



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.800-3/2/4 (39)
Tarikh : 06 Februari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Dato' Indera/Datuk/
Dato'/Ts./Dr.

BAYARAN INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Seri/
Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ Ts./ Dr. kepada perkara
di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/
Datuk/ Dato'/ Ts./ Dr. sedia maklum bahawa Kerajaan melalui Belanjawan
2024, telah bersetuju supaya Bayaran Insentif Awal (BIA) Kajian Sistem
Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Tahun 2024 sebanyak RM2,000.00
dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan

Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana, Gred 56 dan ke bawah. Di samping itu, BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini juga dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred Jawatan Utama/ Khas sebanyak RM1,000.00. BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan dan veteran berpencen dan tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM1,000.00.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran BIA Kajian SSPA Tahun 2024 adalah seperti berikut:

3.1 Bayaran **LAYAK** diberikan kepada:

- (i) Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56¹ dan ke bawah sebanyak RM2,000.00 yang masih berkhidmat pada 23 Februari 2024;
- (ii) Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred Jawatan Utama/ Khas (termasuk yang sedang memangku/ penempatan khas) sebanyak RM1,000.00 yang masih berkhidmat pada 23 Februari 2024; dan
- (iii) Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak merupakan:
 - a) pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS)²;

¹ Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Jawatan Utama/ Khas.

² Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

- b) pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- c) pegawai yang bercuti separuh gaji;
- d) pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- e) pegawai yang dipinjamkan/ ditukar sementara termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya di mana BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar oleh agensi peminjam.

3.2 BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini turut dipanjangkan kepada:

- (i) Personel MySTEP yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan pada tahun 2023 dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024;
- (ii) guru interim;
- (iii) pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta pegawai Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- (iv) pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim serta Pesuruhjaya Kehakiman.

3.3 Bagi pesara Kerajaan yang menerima pencen termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen, pesara pilihan dan belum menerima pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang

bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 23 Februari 2024 akan dibayar sebanyak RM1,000.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) manakala veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV);

3.4 Pesara Kerajaan (rujuk perenggan 3.3) dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara serta COS yang masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak dibayar sebanyak RM2,000.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM1,000.00 akan dibuat oleh JPA/ JHEV dan bakinya sebanyak RM1,000.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat;

3.5 Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 23 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024 sebanyak RM2,000.00; dan

3.6 BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar pada 23 Februari 2024 dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

4. Pemberian BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini turut dikecualikan cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.


5. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Akauntan Negara

SOALAN LAZIM
BAYARAN INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 2024

A. PENJAWAT AWAM

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pelaksanaan		
1.	Siapakah yang layak dibayar Bayaran Insentif Awal (BIA) Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Tahun 2024?	BIA Kajian SSPA Tahun 2024 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 56¹ dan ke bawah yang dilantik secara tetap, sementara, <i>Contract of Service</i>² serta pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred Jawatan Utama/ Gred Khas, dengan syarat pegawai masih berkhidmat pada 23 Februari 2024. Turut layak diberi kepada pegawai yang bercuti bergaji penuh, pegawai yang bercuti separuh gaji, pegawai yang bercuti tanpa gaji dan pegawai yang dipinjamkan/ ditukar sementara termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Pemberian BIA Kajian SSPA turut dipanjangkan kepada guru interim, pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya serta pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran serta Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman. BIA Kajian SSPA juga dibayar kepada Personel MySTEP dengan syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan pada tahun 2023 dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 23 Februari 2024.

¹ Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memegangku di Gred Jawatan Utama/ Khas.

² Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
2.	Berapakah jumlah BIA Kajian SSPA Tahun 2024 yang akan dibayar?	BIA Kajian SSPA Tahun 2024 sebanyak RM2,000.00 akan dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/ kakitangan lantikan kontrak, manakala bayaran sebanyak RM1,000.00 akan dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Gred Jawatan Utama/ Gred Khas. Di samping itu, BIA Kajian SSPA ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan termasuk pesara berpencen, penerima pensyen terbitan, pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara mengikut umur persaraan wajib, pesara bersara pilihan dan belum menerima pensyen, veteran berpencen serta veteran tidak berpencen sebanyak RM1,000.00 .
3.	Bilakah BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar dan jabatan manakah yang bertanggungjawab membuat pembayaran tersebut?	BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar pada 23 Februari 2024 dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.
Pegawai Lantikan Baharu		
4.	Adakah pegawai yang dilantik pada 2 Februari 2024 layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pegawai yang telah dilantik tetap dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024.
Pegawai Bercuti Separuh Gaji/Tanpa Gaji		
5.	Adakah pegawai yang bercuti separuh gaji/ tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2024 hingga 23 Februari 2024 layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pegawai layak .
Pegawai Peminjaman/Tukar Sementara		
6.	Adakah pegawai yang dipinjamkan/ ditukar sementara ke Gred Jawatan Utama/ Khas layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pegawai layak menerima bayaran sebanyak RM1,000.00 kerana pegawai telah menikmati elaun dan kemudahan atas Gred Jawatan Utama/ Khas sama seperti pegawai memangku.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
7.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pegawai layak dan akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai (agensi peminjam) tertakluk kepada penerimaan pakai oleh agensi berkenaan.
Pegawai <i>Contract of Service</i> (COS)		
8.	Adakah seorang pegawai lantikan COS layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024 sekiranya beliau berkhidmat mulai 1 Februari 2023 hingga 31 Januari 2024 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	Pegawai tidak layak kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 23 Februari 2024.
9.	Adakah seorang pegawai COS yang dilantik pada 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pegawai layak dengan syarat masih berada dalam perkhidmatan pada 23 Februari 2024.
Personel MySTEP		
10.	Adakah seorang Personel MySTEP yang dilantik bermula pada 1 Januari 2024 dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Personel MySTEP layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024 dengan syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan pada tahun 2023 dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 23 Februari 2024.
11.	Adakah Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 Julai 2023 hingga 31 Disember 2023 dan dilantik semula pada 1 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak. Personel MySTEP telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2023 dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 23 Februari 2024.
12.	Personel MySTEP ini pernah berkhidmat pada 1 Januari 2023 hingga 31 Mac 2023 di Kementerian A kemudian berkhidmat pada 1 Julai 2023 hingga 30 September 2023 di Kementerian B. Personel MySTEP ini kemudiannya dilantik berkhidmat di Kementerian C bermula 3 Januari 2024. Adakah personel MySTEP ini layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak. Personel MySTEP telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2023 (secara kumulatif) dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 23 Februari 2024.
13.	Adakah Personel MySTEP yang dilantik bermula pada 3 Januari 2023 dan tamat kontrak pada 31 Disember 2023 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Personel MySTEP tidak layak kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 23 Februari 2024.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
14.	Adakah Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 3 Julai 2023 hingga 31 Disember 2023 dan dilantik semula pada 1 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak memandangkan 1 dan 2 Julai 2023 jatuh pada hari minggu. Sehubungan dengan itu, tempoh 2 hari berkenaan boleh diambil kira untuk menggenapkan syarat berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2023.
15.	Adakah Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 3 Julai 2023 hingga 29 Disember 2023 dan dilantik semula pada 1 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak memandangkan 1 dan 2 Julai 2023 serta 30 dan 31 Disember 2023 jatuh pada hari minggu. Sehubungan dengan itu, tempoh 4 hari berkenaan boleh diambil kira untuk menggenapkan syarat berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2023.
16.	Adakah pegawai yang dilantik sebagai COS/ CFS/ PSH pada tahun 2023 dan kemudiannya dilantik sebagai Personel MySTEP pada tahun 2024 layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2023 dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 23 Februari 2024.
17.	Adakah pegawai yang dilantik sebagai Personel MySTEP pada tahun 2023 dan kemudiannya dilantik sebagai COS/ CFS/ PSH pada tahun 2024 layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak.
18.	Adakah Personel MySTEP yang berkhidmat di Badan Berkanun/ GLC/ Negeri pada tahun 2023 dan kemudiannya dilantik sebagai Personel MySTEP di Kementerian/ Jabatan Persekutuan layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak.
Pekerja Sambilan Harian (PSH)		
19.	Adakah PSH yang dilantik di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri layak menerima BIA Kajian SSPA?	Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing seperti yang ditetapkan oleh perenggan 5 di dalam surat edaran
Hukuman Tatatertib		
20.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada 23 Februari 2024 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/ Jabatan layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pegawai layak

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
21.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada November 2023 dan pelaksanaan hukumannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pegawai layak
22.	Adakah pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib layak dibayar BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini?	Pegawai layak
23.	Adakah pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib buang kerja berkuat kuasa pada 23 Februari 2024 layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini?	Pegawai tidak layak kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan
24.	Adakah pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib buang kerja berkuat kuasa pada 1 Mac 2024 layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini?	Pegawai layak kerana pegawai masih lagi berada dalam perkhidmatan pada 23 Februari 2024
Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan		
25.	Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 23 Februari 2024 layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pegawai layak dengan bayaran sebanyak RM2,000.00 dan akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
Meletak Jawatan/Berhenti/Ditamatkan Perkhidmatan		
26.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam sebelum atau pada 23 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini?	Pegawai tidak layak kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.

B. PESARA KERAJAAN

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pesara		
27.	Siapakah pesara Kerajaan/ penerima pencen yang layak dibayar BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini?	Pesara Kerajaan yang menerima pencen di bawah undang-undang pencen/ Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 yang bersara pada atau sebelum 23 Februari 2024 bagi semua gred di dalam: i) Perkhidmatan Awam Persekutuan (termasuk Polis Diraja Malaysia) dan Negeri; ii) Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan; iii) Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia; iv) Pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/ 56/ 58/ 60 tahun) atau bersara Atas Sebab Kesihatan (ASK); dan v) Pesara bersara pilihan dan belum menerima pencen.
28.	Siapakah penerima pencen yang layak dibayar BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini?	Penerima pencen yang layak adalah penerima pencen perkhidmatan, pencen hilang upaya, pencen terbitan dan pencen tanggungan, pencen orang tanggungan, elaun tanggungan, elaun bersara dan elaun bersara terbitan sehingga 23 Februari 2024.
29.	Berapakah jumlah bayaran BIA Kajian SSPA Tahun 2024 yang diterima oleh pesara Kerajaan yang menerima pencen/ pencen terbitan/ pesara Skim KWSP/ veteran berpencen/ veteran tidak berpencen?	Jumlah bayaran yang diterima oleh pesara Kerajaan yang menerima pencen/ pencen terbitan/ pesara Skim KWSP/ veteran berpencen/ veteran tidak berpencen adalah sebanyak RM1,000.00 .

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
30.	Adakah penerima pencen terbitan yang lebih seorang turut layak dibayar BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak dan akan dibayar berdasarkan pembahagian sama rata mengikut akaun penerima pencen.
31.	Adakah pegawai yang bersara selepas 23 Februari 2024 layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024 dengankadar Penjawat Awam sebanyak RM2,000.00?	Pegawai layak kerana pegawai masih berkhidmat pada 23 Februari 2024.
32.	Adakah pesara/ penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak.
33.	Siapakah pesara/ penerima pencen terbitan yang tidak layak menerima BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pesara/ penerima pencen terbitan yang tidak layak adalah: i) Perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran; ii) Perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik; iii) Perkhidmatan sebagai Hakim; iv) Penerima pencen Skim Pencen Balu dan Anak Yatim (Semenanjung, Sabah dan Sarawak); v) Penerima bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP:WP6.3 - Pengurusan Wang Awam; vi) Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen/ Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 kerana kematian pegawai dalam perkhidmatan selepas 23 Februari 2024; dan vii) Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
34.	Adakah pesara yang bersara atas dasar penswastaan atau pengkorporatan layak dibayar BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak sekiranya mereka adalah penerima pencen.
Pesara dan penerima pencen terbitan yang meninggal dunia dalam persaraan		
35.	Adakah pesara yang meninggal dunia sebelum atau pada 23 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak dan akan dibayar kepada Penerima Pencen Terbitan sebanyak RM1,000.00.
36.	Adakah penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 23 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Layak.
37.	Adakah penerima pencen terbitan yang meninggal dunia sebelum 23 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Tidak Layak.
Veteran/Pesara yang dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam		
38.	Adakah veteran/ pesara yang dilantik semula secara Tetap, Sementara, COS atau CFS dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak dibayar BIA Kajian SSPA Tahun 2024?	Pesara yang dilantik semula secara Tetap, Sementara, COS atau CFS dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak dibayar BIA Kajian SSPA sebanyak RM2,000.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM1,000.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya RM1,000.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
39.	Sekiranya pesara mempunyai rekod di JPA dan JHEV, jabatan manakah yang akan membuat bayaran BIA Kajian SSPA Tahun 2024 kepada pesara tersebut?	BIA Kajian SSPA akan dibayar oleh JPA sebanyak RM1,000.00.